

FRIM FPS

Calon Tapak Warisan Dunia 2024/2025

Putrajaya: Tapak FRIM Forest Park Selangor (FRIM FPS) dicalonkan kepada pihak Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco), untuk diangkat sebagai Tapak Warisan Dunia bagi sesi penilaian 2024/2025.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Motac) memaklumkan dokumen pencalonan itu sudah dikemukakan kepada pihak sekretariat Unesco di Paris melalui Pejabat Delegasi Tetap Malaysia ke Unesco Paris, kelmarin.

Menurut kenyataan Motac, usaha pencalonan tapak itu bermula sejak 2017 apabila dokumen senarai tentatif dihantar kepada pihak Unesco pada 31 Januari 2017.

“Justeru, keputusan bagi pencalonan ini dijangka bakal diketahui pada Jun atau Julai 2025 dengan proses penilaian sekitar 18 bulan bermula daripada tarikh penghantaran dokumen pencalonan,” menurut kenyataan Motac, se-

malam,

Kenyataan Motac memaklumkan bahawa penyenaaraian di bawah Senarai Tapak Warisan Dunia Unesco itu, amat diinginkan oleh banyak negara kerana ia adalah satu pengiktirafan tertinggi di peringkat dunia bagi tapak warisan.

Menurut kenyataan itu selain dapat memberikan promosi dan mengetengahkan di peringkat dunia, pengiktirafan itu juga memperlihatkan komitmen Malaysia dalam melindungi tapak warisan di Malaysia.

“Pengiktirafan ini juga secara tidak langsung akan mengangkat kebolehlihatan Malaysia di mata dunia sebagai produk pelancongan, yang mampu memberi peluang ekonomi kepada negara melalui industri berkaitan,” menurut kenyataan itu.

Sehingga kini, sejumlah 1,199 tapak di seluruh dunia diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia di bawah Konvensyen Perlindungan Warisan Budaya dan Semula Jadi Dunia 1972.